



DUA kanak kanak mengutip sisa makanan di tepi jalan bandar Khan Yunis untuk mengalas perut akibat sekatan Israel terhadap pelbagai bantuan kemanusiaan.



PENDUDUK Gaza terpaksa beratur untuk mengambil air bersih yang ditapis sebagai air minuman di bandar Gaza akibat pengurusan air bersih belum pulih sejak serangan Disember 2008.



KANAK-KANAK Palestin membuat persembahan tarian tradisional kepada rombongan sukarelawan PBSM di Pusat Psikososial Al-Amal.

Kehidupan kanak-kanak Gaza masih dibayangi kekejaman dahsyat Israel

NGO anjur pelbagai program pulihkan semangat, kesan trauma

Laporan

Wan Faizal Ismayatim

Gambar
Zahari Zakaria

Di Gaza, Palestin



tembakan bertalu-talu ke arah rumah penuh sesak itu menyebabkan 21 orang, termasuk Ahmad yang masih kecil dan sembilan kanak-kanak lain terbunuh dengan keadaan mayat bergelimpangan antara satu sama lain.

Selebihnya pula ditemui cedera dan mearung kesakitan di celah-celah mayat anggota keluarga masing-masing dalam keadaan menyedihkan termasuk Abdullah yang cedera di kaki terkena tembakan dan sehingga kini kesannya masih kelihatan.

Menceritakan detik sebelum kejadian itu, Abdullah berkata, dia bermain bersama sepupunya di luar rumah sebelum tiba-tiba terdengar bunyi letupan dan tembakan menyebabkan mereka bertempir lari bersembunyi di dalam rumah.

Tidak lama selepas itulah gerombolan tentera Israel sudah mengepung kawasan perkampungan itu dan ketika itulah mereka masuk ke rumahnya sebelum menembak bapanya dan mengheret penduduk dengan kejam untuk dikurung dan dibunuh beramai-ramai.


Abdullah antara contoh kekejaman rejim Zionis dalam serangan tidak berperikemanusiaan selama 22 hari bermula pada 27 Disember 2008 ke atas Gaza, yang kononnya dilakukan bagi memburu pejuang Hamas yang didakwa bersembunyi sekitar wilayah itu.

Sepanjang siri serangan menerusi udara, darat dan laut itu yang digambarkan antara kekejaman paling dahsyat sejak beberapa dekad kebelakangan ini, lebih 1,400 nyawa penduduk Gaza termasuk lebih 500 kanak-kanak terkorban, manakala 13 rakyat Israel dilaporkan maut.

“Saya bercita-cita menjadi doktor...saya mahu merawat dan menyelamatkan nyawa rakyat Palestin yang cedera ditembak,” kata Abdullah bersemangat ketika mengakhiri perbualan bersama penulis dengan bantuan ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS) sebagai jurubahasa.

Kunjungan penulis ke kampung berkenaan bersama rombongan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) sempena misi kemanusiaan ke Gaza dari 16 hingga 19 Julai lalu, turut dipertemukan dengan beberapa lagi kanak-kanak yang turut menjadi mangsa serangan berdarah itu.

Penulis dan anggota rombongan turut berkesempatan melihat kesan kecederaan Yakub Ibrahim Samouni, 11, yang cedera di rusuk dalam tragedi itu, manakala seorang lagi ka-



“Apabila bapa saya keluar, mereka terus melepaskan berdas-das tembakan. Bapa saya ketika itu sudah mengangkat dua tangannya untuk menyerah diri, tetapi mereka tetap menembaknya hingga mati”

Abdullah Atiyah Samouni
Kanak-kanak Palestin

Siri Pertama

ABDULLAH Atiyah Samouni hanya termenung sayu sambil tangannya memegang erat sekeping gambar. Apabila didekati, kanak-kanak berusia 10 tahun itu memberitahu gambar di tangannya adalah adiknya berusia empat tahun yang mati terkena empat das tembakan tentera Israel, masing-masing dua pada dada dan kepala.

Dengan wajah kusut, Abdullah menunjukkan gambar pada sebuah kain rentang dan memberitahu lelaki yang terbujur kaku itu adalah bapanya yang ditembak mati tentera Israel di depan matanya ketika mengangkat kedua belah tangan tanda menyerah diri di rumah mereka, 18 bulan lalu.

Malam 5 Januari 2009 itu pasti tidak mampu dilupakannya sepanjang hayat. Ketika masih mentah iaitu baru berusia lapan tahun, Abdullah melalui tragedi hidup paling dahsyat dan menyayat hati kerana pada tarikh itu, bukan saja bapa dan adik, malah saudara-mara dan rakan sepermainan turut terkorban.

Dalam kejadian itu, gerombolan tentera Israel yang lengkap berkereta kebal memasuki kawasan kampungnya di Zeitun, Gaza sebelum menceroboh setiap kediaman penduduk termasuk rumah kanak-kanak malang itu dan memanggil bapanya, Atiyah Samouni, 26, keluar.

“Apabila bapa saya keluar, mereka terus melepaskan berdas-das tembakan. Bapa saya ketika itu sudah mengangkat dua tangannya untuk menyerah diri, tetapi mereka tetap menembaknya hingga mati,” kata Abdullah sambil mengangkat tangannya melakonkan semula adegan ngeri depan matanya itu.

Selepas itu, Abdullah dan adiknya, Ahmad yang baru berusia empat tahun serta adik-beradik lain dan saudara-mara tidak kira kanak-kanak mahupun wanita yang keseluruhannya 89 orang, diseret ke sebuah rumah di kawasan itu untuk dikumpulkan sebelum dikurung beramai-ramai.

Apalah dosa mereka kini apabila tentera Israel kemudian mengembom serta melepaskan



KANAK-KANAK memegang poster yang menunjukkan keluarga Samouni yang dibunuh kejam oleh tentera Zionis.

kanak-kanak, Mohamed Wacl, 7, patal tangan kiri dan ditemui pasukan penyelamat Palestin di antara mayat yang bergelimpangan.

Pada masa sama, ribuan kanak-kanak Palestin terutama yang menjadi pelarian dan yatim piatu, bukan saja mengalami kemurungan dan trauma, malah turut ketinggalan apabila tidak berpeluang mendapat pendidikan formal akibat kekurangan kemudahan disebabkan tidak banyak sekolah yang musnah dalam serangan 18 bulan lalu dapat dibangunkan semula akibat sekatan Israel terhadap bahan binaan.

Selain itu, mengikut laporan kajian institusi kesihatan Palestin baru-baru ini, sekatan Israel terhadap pelbagai bantuan kemanusiaan mengancam kesihatan warga Gaza, dengan kebanyakan kanak-kanak menghadapi risiko masalah pertumbuhan atau kurang zat makanan.

Malah, kajian membabitkan 2,000 kanak-kanak dan remaja mendapati seorang daripada empat tidak mendapat sarapan pagi, seorang daripada 10 kanak-kanak menghadapi penyakit kurang darah dan seorang daripada 17 menghadapi masalah pertumbuhan.

Di daerah Khan Younis, lebih 200 kanak-kanak kebanyakannya berusia 10 hingga 12 tahun mengalami trauma yang teruk akibat kehilangan ahli keluarga dan saudara-mara, menerima rawatan psikologi dan pemulihan

anjuran Pusat Psikososial Al-Amal.

Kanak-kanak dari sekitar daerah itu dipilih menyertai sesi berkenaan kerana pada usia itu, mereka sudah memahami erti kehidupan dan semangat mereka perlu dipulihkan selepas menempuh pengalaman menakutkan serta menyayat hati ketika usia yang terlalu muda.

"Ketika mula ke sini, kanak-kanak ini berada dalam keadaan murung, pendiam dan pasif kerana terlalu trauma, tetapi selepas beberapa sesi pemulihan yang merangkumi aktiviti berkumpulan, sukan dan diberikan bimbingan secara psikologi, mereka kini banyak berubah dan mula ketawa," kata Pengarah Pentadbiran Al-Amal, Jihad Abu Hatab.

Jihad menjelaskan, pada setiap program, seramai 15 kanak-kanak berusia 10 hingga 12 tahun dipilih untuk menjalani pemulihan menerusi 20 sesi yang sudah diatur dengan setiap sesi mengambil masa 20 jam.

"Selain itu, kanak-kanak yang mengalami kecacatan serta kehilangan anggota badan akibat menjadi mangsa perang turut dibawa ke sini untuk aktiviti tertentu seperti melukis. Mereka begitu kreatif dan sebahagiannya mampu menghasilkan lukisan yang menggambarkan kekejaman tentera Israel," katanya.

Bagi penulis, mereka memang berbakat melukis terutama lukisan yang menggambarkan kekejaman rejim Zionis terhadap bangsa mereka, misalnya sekeping lukisan yang mema-

nakan air mata mengalir ketika di sebelahnya pula kereta kebal Israel rakus membedil penduduk Gaza yang tidak berdosa.

Kanak-kanak Gaza terlalu istimewa. Bukan sekadar melukis, malah mereka pandai menari. Di Pusat Psikososial Al-Amal, penulis dan anggota rombongan dihiburkan dengan persembahan tarian ala hip hop menggunakan latar lagu Arab oleh sebilangan kanak-kanak.

Aksi seorang kanak-kanak lelaki yang dikenali sebagai Nassar, 12, menari hip hop membuatkan penulis terpaku seketika. Kanak-kanak dengan gaya rambut pemain bola sepak Portugal, Cristiano Ronaldo itu cukup mahir dalam setiap pergerakan tarian mengikut alunan muzik.

Walaupun kanak-kanak Gaza kini hidup lebih tenang berbanding 18 tahun lalu, namun raut wajah mereka jelas menghadirkan rasa sayu di hati penulis terutama mengenangkan nasib mereka yang menempuh pelbagai kisah duka, sedangkan di usia terlalu mentah, mereka sepatutnya melalui zaman kanak-kanak dengan gembira.

Jelas sekali, tindakan tidak berhati perut tentera Israel itu memberikan trauma yang teruk di kalangan ribuan kanak-kanak Palestin di Gaza yang mana tindakan berkenaan sebenarnya hanya membangkitkan lagi semangat mereka untuk mempertahankan tanah air apabila dewasa kelak. - Bersambung

Kerenah birokrasi tak patahkan semangat misi bantuan PBSM

BUNYI letupan, tembakan rambang, wajah duka penduduknya serta suasana sunyi pada waktu malam adalah situasi sering dibayangkan penulis sebelum menjejakkan kaki di bumi Gaza. Mana tidaknya, sejak tragedi diganyang tentera Israel 18 bulan lalu, saban hari ada saja dilaporkan insiden serangan yang menyebabkan kematian dan mencederakan penduduknya.

Namun, hakikatnya wajah Gaza kini tidak seperti 18 bulan lalu ketika wilayah yang cuma berkeluasan 360 kilometer persegi itu teruk 'dibelasah' Israel.

Pertama kali menjejakkan kaki di bumi Gaza melahirkan persepsi berbeza buat penulis kerana penduduknya kini mampu mengukir senyuman walaupun masih dihipit trauma, sejarah hitam, kesempatan hidup dan pelbagai ancaman keselamatan serta berdepan krisis kemanusiaan yang teruk.

Tentunya pengalaman hidup berpuluh tahun diancam dan ditindas Israel menjadikan mereka lebih tabah dan kuat untuk terus hidup berdepan pelbagai cabaran.

Semuanya bermula pada 27 Disember 2008 apabila Israel memulakan serangan dan pengeboman selama 22 hari dari segenap sudut dan ceruk ke atas Gaza kononnya atas alasan memburu pejuang Hamas yang berlindung di celah-celah orang awam.

Serangan tidak berperikemanusiaan itu berlaku lebih 60 tahun selepas penubuhan negara haram Israel di bumi Palestin yang mana sepanjang tempoh itu, pelbagai kekejaman dan pembunuhan beramai-ramai ketika dunia seolah-olah tidak mampu berbuat apa-apa.

Ketika diberi tugas menyertai rombongan misi kemanusiaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) ke Gaza baru-baru ini, perasaan penulis bercampur baur antara teruja dan bimbang mengenangkan pelbagai cerita tidak enak mengenai Gaza.

Mana tidaknya, sehingga kini serangan dan tembakan yang mencederakan penduduk termasuk kewujudan ramai penembak curi di sempadan Israel yang menunggu masa melepaskan peluru tanpa mengenal mangsanya masih dilaporkan berlaku.

Namun, atas keinginan melihat sendiri penderitaan serta menyelami kehidupan saudara seagama di Gaza yang selama ini hanya diketahui menerusi kaca televisyen dan akhbar, penulis menyahut cabaran itu tanpa berfikir dua kali, apa lagi peluang seperti ini tidak akan datang kali kedua.

Sesungguhnya bukan mudah bagi 'orang luar' memasuki Gaza, lihat saja apa yang terjadi kepada kapal *Mavi Marmara* dan *Rachel Corrie* walaupun sekadar membawa bantuan kemanusiaan.

Malah, penulis diberitahu, usaha beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia melepasi pintu sempadan Rafah di

Mesir juga menemui jalan buntu.

Seperti dijangkakan, misi kemanusiaan PBSM seramai sembilan orang diketuai Naib Pengerusi Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), Datuk Wira Dr Bahari Abu Mansor; Pengerusi Jawatankuasa Publisiti PBSM Malaysia, Datuk Ahmad A Talib dan Pengurus Pengurusan Bencana, Nasir Khan Abdul Rahman serta wakil media turut berdepan pelbagai cabaran.

Usaha kami memasuki Gaza menerusi sempadan Rafah beberapa kali tertangguh akibat kerenah birokrasi pihak berkuasa Mesir menyebabkan penulis sendiri hampir berputus asa. Mujur segala cabaran dapat juga ditempuh hasil kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

Kami akhirnya melepasi pintu sempadan dan menjejakkan kaki di bumi Gaza tepat jam 5 petang pada 16 Julai lalu dan disambut mesra sekumpulan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS).

Entah kenapa, jiwa dirasakan lebih tenang di wilayah bekas zon perang itu berbanding ketika berada di Mesir, mungkin kerana orang Palestin lebih mesra serta boleh dipercayai. Apa yang lebih penting, di Gaza tiada kerenah birokrasi yang menyakitkan hati.

Di mana-mana, kesan runtuhannya dan kemusnahan selain kesan tembakan di dinding bangunan sudah cukup menggambarkan bagaimana keadaan Gaza 18 bulan lalu. Sebahagian bangunan sudah diperbaiki, malah ada juga yang kelihatan baru, semuanya kerana usaha menyeludup masuk bahan binaan melalui terowong yang menghubungkan sempadan Gaza dan Mesir disebabkan sekatan Israel.

Namun, sebahagian besar lagi bangunan masih terbiar dengan kesan kemusnahan akibat tiada dana untuk dibangunkan semula sambil mengharapkan bantuan pelbagai pihak luar untuk membawa masuk bahan binaan terutama simen dan besi keluli melalui cara sah yang berdepan kesukaran.

Di kawasan berhampiran sempadan dan tepi pantai pula, kemusnahannya lebih dahsyat apabila kebanyakan rumah ranap angkara kereta kebal dan jentolak Israel sehingga ada kawasan tidak ubah seperti padang jarak padang tekukur.

Menurut sukarelawan PRCS, pada minggu pertama serangan Israel mulai 27 Disember 2008, rejim Zionis melancarkan serangan udara dengan sasaran utama ialah balai polis, pejabat kerajaan, masjid serta kawasan perumahan.

Apabila sebahagian besar Gaza sudah dilumpuhkan, gerombolan tentera Israel memasuki wilayah itu menggunakan kereta kebal serta jentolak dan memusnahkan kilang, tanaman, rumah di samping menembak apa juga objek bergerak di depan mereka.



PENDUDUK bersantai di pantai Gaza sempena cuti musim panas.